

BH 27/4/09 ml 33

## 30 pensyarah, kakitangan UMT sertai program anak angkat

**KUALA TERENGGANU:** Seramai 30 kakitangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) termasuk pensyarah dan pegawai sokongan akademik menyertai Program Bakti Staf UMT di Kampung Gemuruh, Tepuh dekat sini, selama tiga hari berakhir semalam.

Naib Canselornya, Prof Aziz Deraman, berkata program anak angkat membabitkan kakitangan UMT adalah yang pertama dian-

jurkan bertujuan mendekatkan universiti dengan masyarakat luar bandar.

Beliau berkata, selain merapatkan hubungan antara kedua-dua pihak, program ini juga memberi peluang kepada kakitangan UMT untuk menyampaikan, menyebarkan maklumat, ilmu serta kepakaran mereka bagi mencetus perubahan minda masyarakat di kawasan berkenaan.

"Kami juga ingin mewujudkan budaya penyayang di kalangan kakitangan. Mereka dididik supaya prihatin terhadap permasalahan yang dialami oleh masyarakat luar bandar.

"Malah, dengan mewujudkan ruang keakraban antara kakitangan dan penduduk di kawasan berkenaan, ia boleh menjadi langkah permulaan ke arah mewujudkan jalinan kekeluargaan yang berpanjangan,"

katanya selepas perasmian program Bakti Staf UMT di Pusat Komuniti Kampung Gemuruh, Tepuh, kelmarin.

Aziz berkata, antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tiga hari itu ialah pemeriksaan kesihatan percuma oleh Pusat Kesihatan UMT kepada penduduk kampung, pameran pendidikan, sukan rakyat, malam kebudayaan dan kenduri sekampung bersama komuniti.

"Semua aktiviti dirancang dengan teliti bagi memastikan program itu bukan hanya membabitkan keluarga dan anak angkat, tetapi lebih ramai penduduk komuniti di situ kerana objektif utama kami adalah untuk merakyatkan universiti.

"Kami juga berhasrat menjadikan Program Bakti Staf UMT sebagai aktiviti tahunan kerana ia memberi banyak manfaat kepada banyak pihak," katanya.